



PUSAT SUMBER TRANSPLAN NASIONAL

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Lot B.5-1 Aras 5, Menara Wisma Sejarah, Jalan Tun Razak,

50400 Kuala Lumpur.

(P) 03-26810681 Faks (P) 03-26810680



National Transplant Resource Centre
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

No. Rujukan Kami : HKL/PSTN(NTPMU)/98/214 JLD. 5 (110)
Tarikh : 7 Mac 2014

YAS Dato' Wan Mohd Nor Bin Ibrahim

Ketua Pengarah

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia,

Ibu Pejabat,

Lebuh Wawasan, Presint 7,

62250 Putrajaya.

Tuan,

PENGHARGAAN DI ATAS KERJASAMA PIHK BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA BAGI PROSES PENDERMAAN ORGAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Saya bagi pihak **Pusat Sumber Transplan Nasional, Kementerian Kesihatan Malaysia** ingin menyampaikan penghargaan kami di atas kerjasama yang telah diberikan oleh pihak Bomba dan Penyelamat Malaysia berserta kakitangan yang terlibat ketika proses membawa balik organ hati dan buah pinggang dari Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar ke Hospital Selayang pada 25 Februari 2014.

3. Untuk makluman tuan, pendermaan tersebut adalah daripada seorang pesakit yang telah disahkan mati otak oleh doktor pakar dan pihak keluarga telah bermurah hati untuk mendermakan organ jantung, paru-paru, hati dan buah pinggang. Sejurus kami menerima panggilan dari kakitangan Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar pada 24 Februari 2014 dan bersetuju untuk memperoleh organ-organ tersebut terutama jantung dan paru-paru, kami telah berurusan dengan pihak JBPM untuk memohon penerbangan ihsan menggunakan helikopter membawa pulang organ-organ tersebut dengan kadar segera kerana jangka hayatnya yang pendek. Setelah menghubungi pegawai bertugas di pangkalan udara, surat rasmi permohonan telah difaks untuk dilanjutkan kepada pihak atasan. Walaubagaimanapun, selepas penilaian ke atas penderma dilakukan di dewan bedah, organ jantung dan paru-paru penderma didapati tidak sesuai untuk transplantasi. Oleh yang demikian, organ lain iaitu hati dan buah pinggang telah diterbangkan ke Hospital Selayang untuk dipindahkan pada hari yang sama kepada pesakit-pesakit yang memerlukan.

4. Untuk pengetahuan pihak tuan, hati mendiang telahpun dipindahkan dengan jayanya kepada seorang pesakit lelaki berumur 30 tahun. Manakala kedua-dua buah pinggang tersebut telahpun ditransplankan kepada dua pesakit lelaki yang berumur 25 tahun dan 32 tahun setelah menunggu organ selama hampir 15 tahun. Kini, ketiga-tiga penerima berada dalam keadaan yang stabil. Sehubungan dengan itu, kami dan pihak penerima amat menghargai komitmen dan usaha gigih yang diberikan oleh pihak tuan dalam bekerjasama dengan kami terutama pegawai-pegawai tuan iaitu:

Pangkalan Udara JBPM Bertam

- 1) PgKB I Faizal Izani Bin Azizan
- 2) Capt Syed Busri Bin Tuanku Bujang
- 3) PBK II Muhammad Ubah Bin Shuib
- 4) PB Mohd Rohaizat Bin Yusof

Balai Bomba dan Penyelamat Alor Setar

- 1) PBK II Che Hussin Saad
- 2) PB Ahmad Rosli Mat Lazim
- 3) PB Ismail Salleh
- 4) PB Mohd Yazid Ismail
- 5) PB Choo Swe Siang


5. Pihak kami berharap agar usaha murni dan kerjasama antara pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia dapat diteruskan pada masa akan datang demi membantu mereka yang memerlukan organ dan tisu.

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

1 Malaysia 1 Harapan, Dermalah Tisu Demi Kehidupan

Saya yang menurut perintah,



DATIN DR. FADHILAH ZOWYAH LELA YASMIN MANSOR

No. Pendaftaran MPM: 24992

Ketua Pengurus Klinikal dan Penyelaras Perolehan Transplan Kebangsaan,
Pusat Sumber Transplan Nasional,
Hospital Kuala Lumpur.

① 03-26810680/1/2 ☎ lelamans@yahoo.com

s.k. **YS Hj Mohd Yunos Bin Abu Hassan**

Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Udara,
Ibu Pejabat,
Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia,
Lebuh Wawasan, Presint 7,
62250 Putrajaya.

PgKB I Faizal Izani Bin Azizan

Pangkalan Udara JBPM Bertam,
Jalan Pinang Tunggal,
13200 Kepala Batas,
Seberang Perai Utara,
Pulau Pinang.

Ketua Balai

Balai Bomba dan Penyelamat Alor Setar,
Jalan Tun Razak,
05200 Alor Setar,
Kedah Darul Aman.